



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



**POTENSI WAKAF PERTANIAN TERHADAP KELESTARIAN
KETERJAMINAN MAKANAN DI MALAYSIA**

*THE POTENTIAL OF AGRICULTURAL WAQF FOR ENSURING FOOD
SUSTAINABILITY IN MALAYSIA*

Farahdina Fazial^{1*}, Sakinatul Raadiyah Abdullah², Noor Hidayah Kasim³, Ahmad Yumni Abu Bakar⁴, Md Saufi Abdul Hamid⁵

- ¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Kedah
Email: farahdinafazial@uitm.edu.my
² Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Kedah
Email: sakinatulraadiyah@uitm.edu.my
³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Kedah
Email: hidayah328@uitm.edu.my
⁴ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Kedah
Email: yumni705@uitm.edu.my
⁵ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Kedah
Email: mdsau633@uitm.edu.my
* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.03.2023

Revised date: 10.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 01.06.2023

To cite this document:

Fazial, F., Abdullah, S. R., Kasim, N. H., Abu Bakar, A. Y., & Hamid, M. S. A. (2023). Potensi Wakaf Pertanian Terhadap Kelestarian Keterjaminan Makanan Di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (32), 113-123.

DOI: 10.35631/IJLGC.832010.

Abstrak:

Isu bekalan makanan dalam negara melibatkan keperluan untuk memastikan ketersediaan dan akses kepada makanan yang mencukupi bagi sesebuah negara. Pemerkasaan wakaf pertanian dilihat sebagai satu alternatif yang boleh diketengahkan untuk projek pertanian dan perladangan di Malaysia memandangkan banyak tanah-tanah wakaf tidak dibangunkan dengan sebaiknya. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti kaedah-kaedah pembangunan tanah wakaf untuk tujuan pertanian. Kedua, menganalisis potensi pembangunan wakaf pertanian yang dibangunkan untuk kelestarian keterjaminan makanan di Malaysia. Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini adalah berdasarkan kaedah perpustakaan melalui penelitian kepada artikel dan penyelidikan terdahulu. Hasil kajian mendapati, pembangunan wakaf pertanian dilihat dapat meningkatkan bekalan makanan dalam Negara dan secara tidak langsung dapat menyediakan ruang pekerjaan kepada golongan memerlukan.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Kata Kunci:**

Kelestarian, Keterjaminan Makanan, Potensi Wakaf, Wakaf Pertanian

Abstract:

The issue of food supply within a country involves the need to ensure the availability and access to an adequate amount of food for the nation. Empowering agricultural waqf (endowment) is seen as an alternative that can be considered for agricultural and farming projects in Malaysia, given that many waqf lands are underdeveloped. Therefore, the objective of this study is to identify the methods of developing waqf land for agricultural purposes. Secondly, to analyse the potential of developing agricultural waqf for the sustainability of food security in Malaysia. The data collection method in this study is based on library research through the examination of articles and previous research. The findings of the study indicate that the development of agricultural waqf can enhance food supply within the country and indirectly provide employment opportunities for those in need.

Keywords:

Sustainability, Food Security, Waqf Potential, Agricultural Waqf

Pengenalan

Wakaf pertanian merujuk kepada bentuk wakaf yang diperuntukkan khusus bagi pembangunan dan pemeliharaan tanah pertanian. Pembangunan wakaf pertanian melibatkan penggunaan tanah wakaf untuk tujuan pertanian atau pertanian lestari. Wakaf pertanian merupakan satu bentuk wakaf yang bertujuan untuk meningkatkan kelestarian sumber makanan, meningkatkan ekonomi komuniti setempat, dan memberikan manfaat sosial kepada masyarakat (Zainol, Z., & Ismail, N., 2015; Mohd Noor, N. F., & Ismail, Z. (2018). Tujuan utama wakaf pertanian adalah untuk memastikan kelestarian pertanian, meningkatkan ketersediaan makanan, dan menyokong kehidupan masyarakat di kawasan pendalaman. Secara umumnya, wakaf pertanian melibatkan penyerahan kepemilikan tanah kepada lembaga wakaf yang bertanggungjawab untuk mengurus dan memanfaatkannya secara produktif dalam aktiviti pertanian. Hasil daripada aktiviti pertanian tersebut kemudiannya boleh digunakan untuk memenuhi keperluan penduduk tempatan, meningkatkan pendapatan petani, serta menyokong program pemerksaan ekonomi dan sosial di kawasan tersebut. Dari aspek keselamatan makanan, pembangunan tanah pertanian melalui wakaf dapat meningkatkan pengeluaran makanan dan membantu memenuhi keperluan makanan penduduk setempat. Perkara ini secara tidak langsung akan membantu mengurangkan risiko terhadap kelaparan dan ketidakstabilan makanan.

Melalui Belanjawan 2023 pihak kerajaan berhasrat untuk memanfaatkan tanah-tanah terbiar milik Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda), Felcra Berhad, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan keluasan 323.75 hektar (800 ekar) untuk meningkatkan penghasilan makanan (Berita Harian, 2023). Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 menjadi elemen penting dalam pencapaian sektor agromakanan yang dijangkakan berkembang 4.5 peratus dalam tempoh RMK12. Ini akan meletakkan sektor tersebut sebagai penyumbang utama dalam

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Kepentingan merealisasikan waqaf pertanian ini dapat dilihat secara tidak langsung dalam pembentangan belanjawan bagi tahun 2023 apabila pihak kerajaan mencadangkan agensi-agensi yang berkaitan menyuburkan tanah-tanah terbiar milik mereka untuk projek tanaman makanan. Bahkan setakat ini, tanah wakaf berdaftar yang berjaya dibangunkan hanya sekitar 3,500 hektar atau 12 peratus (Berita Harian, 2023). Usaha segera perlu digembleng dalam membangunkan tanah dan aset-aset wakaf secara lebih bersepadu. Ini menjadi petanda positif bagi langkah yang lebih baik dengan mewakafkan tanah-tanah terbiar tersebut melalui kaedah wakaf pertanian.

Penggunaan tanah bagi tujuan pertanian juga dapat memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah, asnaf dan belia termasuk graduan untuk menjana pendapatan, tanah terbiar dan tidak dibangunkan milik Kerajaan Persekutuan serta tanah rizab Melayu dicadangkan untuk disewa bagi projek pertanian atau perniagaan. Pembangunan wakaf ini bukan sahaja memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat malah kepada belia yang semakin minat bidang pertanian dan penternakan.

Kajian Lepas

Wakaf merupakan salah satu instrumen bagi memperkasakan ekonomi dalam Islam. Dari sudut bahasa al-Waqf bermakna menahan, tegah atau berhenti. Namun para ulama fiqh bersepakat untuk mentakrifkan wakaf sebagai al-Habs dari segi bahasa yang memberi maksud berhenti atau menahan. Ini adalah kerana al-Habs lebih mirip dan hampir dengan makna istilah menurut ulama fiqh (Panduan Pengurusan Wakaf JAWHAR, 2018). Wakaf secara khusus tidak disebut dalam al-Quran dan hadis namun wujud dalam bentuk gantian makna bagi sedekah jariah. Dari sudut istilah, wakaf bermaksud menahan harta yang boleh dimanfaatkan dan kekal fizikalnya dengan melepaskan milik kepada pengurus yang harus wujud (Khalim, 2022). Di Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua hal yang berkaitan wakaf setiap negeri berdasarkan peruntukan yang termaktub di bawah Artikel 74, Perlembagaan Persekutuan. Selain MAIN, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) turut dipertanggungjawabkan dalam mentadbir dan menguruskan harta wakaf (Romli, 2022).

Di Malaysia, wakaf pertanian telah dilakukan menerusi beberapa projek khusus di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM). Projek Wakaf Pertanian Bersatu (WATANI) antaranya berobjektifkan untuk menjamin keselamatan makanan negara selaras dengan Dasar Pertanian Negara Ketiga (DNK3), mengurangkan kebergantungan pengimportan bekalan makanan, memanfaatkan sepenuhnya penggunaan tanah-tanah wakaf sedia ada atau terbiar, menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka yang kehilangan kerja sewaktu pandemik COVID19 dan mengoptimumkan sumber yang ada menerusi projek pertanian dan penternakan bagi meningkatkan ekonomi setempat (Wakaf Pertanian Bersepadu WATANI). Terdapat juga projek-projek wakaf pertanian di Malaysia antaranya Projek Ladang Sawit PERKAYA Sdn. Bhd., Terengganu dan Projek Ladang Wakaf Jemaluang, Johor.

Seterusnya, Mustapa etl. (2023) dalam kajiannya membincangkan berkenaan konsep wakaf yang memperuntukkan tanah wakaf untuk digunakan dalam bidang pertanian. Konsep wakaf pertanian ini bertujuan untuk menjaga kelestarian sumber daya alam serta mempromosikan pembangunan sosioekonomi dalam komuniti setempat. Pelaksanaan wakaf pertanian di Malaysia biasanya melibatkan kerjasama antara pihak agama, pihak kerajaan, dan masyarakat setempat. Pihak agama seperti Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) bertanggungjawab dalam pengurusan dan penyediaan tanah wakaf, manakala pihak kerajaan memainkan peranan dalam memberikan sokongan dan bantuan dalam

bentuk perkhidmatan dan infrastruktur. Program Wakaf Selangor Muamalat dan Wakaf Tanah Pertanian yang telah disebutkan sebelumnya adalah contoh pelaksanaan wakaf pertanian di Malaysia. Program-program ini bertujuan untuk memperkenalkan konsep wakaf pertanian dan memberikan peluang kepada masyarakat setempat untuk menggunakan tanah wakaf untuk tujuan pertanian.

Selain itu, terdapat juga program-program wakaf pertanian yang dijalankan oleh NGO seperti Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) yang memperkenalkan konsep wakaf pertanian dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Secara umumnya, konsep wakaf pertanian di Malaysia tidak hanya memberikan manfaat kepada masyarakat setempat dalam bentuk penghasilan hasil pertanian, tetapi juga memberikan manfaat sosial, ekonomi, dan persekitaran yang lebih luas. Konsep ini juga memperkuatkan hubungan antara *wakif* (pemberi wakaf), *mutawalli* (pengurus wakaf), dan masyarakat setempat. Manakala kajian Wahab, Ahmad, Othman@Seman dan Shahrudin (2014), menegaskan bahawa kontrak musaqah adalah satu alternatif yang perlu diketengahkan dalam membangunkan tanah wakaf terbiar untuk projek pertanian yang boleh menjana keuntungan yang berpanjangan dan lumayan. Bahkan tanah wakaf yang terbiar juga boleh dijana untuk mendapatkan hasil pendapatan yang tinggi serta membangunkan sosial ekonomi ke arah yang lebih baik dan selesa. Di samping itu juga, hasil pendapatan daripada sektor perladangan seperti kelapa sawit dapat meningkatkan pendapatan negeri iaitu di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) serta meningkatkan pendapatan perkapita negara. Dengan mengimplementasikan kontrak musaqah ini dalam membangunkan tanah wakaf terbiar, pihak berkuasa tempatan iaitu pihak majlis agama Islam negeri dapat membantu golongan miskin di mana pembangunan tanah wakaf tersebut dibuat secara usahasama dengan golongan tersebut. Lantaran daripada cadangan tersebut, golongan miskin ini dapat dikurangkan dan seterusnya negara boleh mencapai sebagai negara maju dalam merealisasikan misi 2020.

Ismail (2019) menyatakan bahawa agenda sekuriti makanan semakin mendapat perhatian di seluruh dunia pada masa ini memandangkan krisis makanan dan kelaparan masih lagi berlaku di kebanyakan negara di dunia. Malah, isu kebuluran masih lagi wujud dalam abad ini. Keadaan ini bertambah meruncing akibat keterhadan dan degradasi sumber alam yang membekalkan sumber makanan. Tiga isu utama berlaku berkaitan sekuriti makanan. Pertama, isu jangkaan pertambahan penduduk dunia dan khususnya populasi masyarakat Muslim pada masa akan datang mencetuskan gambaran bahawa permintaan makanan bakal bertambah. Kedua, isu perubahan trend penggunaan makanan penduduk dan ketiga, isu kualiti makanan yang mempengaruhi kesihatan manusia. Isu-isu pada peringkat global ini turut dihadapi oleh Malaysia. Ketiga-tiga isu ini berkait rapat dengan penggunaan sumber alam untuk aktiviti pengeluaran makanan, pengagihan, penggunaan dan kualiti makanan yang merupakan komponen sekuriti makanan. Manakala Aris dan Rahman (2010) menegaskan bahawa sekuriti makanan bermakna semua orang pada setiap masa boleh memperoleh makanan yang mencukupi untuk meneruskan hidup yang sihat dan aktif. Sekuriti makanan wujud apabila semua manusia pada bila-bila masa memperoleh makanan berkhasiat secara mencukupi. Selain itu, makanan tersebut mestilah selamat bagi memenuhi keperluan dan pemilihan pemakanan manusia bagi membolehkan mereka menjalani suatu kehidupan yang aktif dan sihat. Dalam ekonomi Islam, sekuriti makanan merupakan perkara yang sangat diberi perhatian. Sumber bekalan makanan banyak dijelaskan di dalam al-Quran seperti tanaman makanan, haiwan ternakan dan juga makanan tersebut mestilah halal untuk dimakan. Islam juga menjelaskan kepentingan aktiviti pertanian sebagai keperluan manusia untuk mengeluarkan sumber bekalan makanan tersebut.

Metodologi

Kertas ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan analisis dokumen yang melibatkan beberapa langkah penting dalam mengenal pasti, mengumpul, menganalisis, dan menafsirkan dokumen yang berkaitan dengan topik. Dokumen-dokumen ini boleh termasuk laporan, artikel akademik, buku, jurnal, atau bahan bertulis lain yang berkaitan dengan kajian (Creswell, 2014). Kajian ini dianalisis menggunakan analisis kandungan. Analisis kandungan merupakan salah satu kaedah penyelidikan kualitatif yang digunakan untuk menganalisis dan memahami kandungan dokumen, teks, atau bahan bertulis lain (Nueman, 2000). Seperti yang dicadangkan oleh Nueman (2000), kaedah ini melibatkan proses sistematik dalam mengenal pasti, mengategorikan, dan menafsirkan unit-unit maklumat yang terkandung dalam kandungan. Oleh itu, kaedah ini sesuai untuk menganalisis data dalam menjawab objektif kajian.

Analisis & Dapatan Kajian

Pembangunan wakaf melalui kaedah pertanian telah dilaksanakan sejak zaman Rasulullah SAW apabila baginda mewakafkan sebidang tanah hasil daripada wasiat Mukhairiq yang mati syahid pada tahun ketiga Hijrah. Selain itu, antara sahabat Rasulullah yang turut melakukan wakaf pertanian ialah Saidina Umar ra mewakafkan tanah pertanian di Syam, Mesir, dan Iraq, Abu Talhah mewakafkan kebun kesayangan di Bairaha', Abu Bakar mewakafkan sebidang tanah di Mekah dan Sayyidina Ali yang mewakafkan tanah pertanian yang subur. Secara umumnya, potensi tanah-tanah wakaf untuk dibangunkan dalam bidang pertanian telah dibincangkan dan diusahakan. Namun begitu, memandangkan terdapat banyak tanah wakaf yang masih tidak dibangunkan, maka wajar untuk tanah tersebut dibangunkan untuk tujuan perladangan dan pertanian. Tanah wakaf dapat dioptimumkan penggunaannya secara tidak langsung dapat menjana ekonomi dan pembangunan sosial yang lebih baik pada masa hadapan.

Dari Anas bin Malik radhiallahu 'anhu, Rasulullah SAW bersabda; 135 "Tidaklah seseorang Muslim itu bercucuk tanam atau menanam sesuatu tanaman dan tanaman tersebut dimakan oleh burung, manusia atau haiwan melainkan ia menjadi sedekah kepadanya." (Hadis Bukhari No.2152)

Hadis di atas menjelaskan bahawa pertanian dan perladangan bukan sahaja dapat memberi manfaat kehidupan di dunia malah kehidupan di akhirat kerana setiap hasil daripada apa yang diusahakan (ditanam) apabila dinikmati oleh makhluk hidup akan bernilai pahala sedekah (ibadah) bagi pelakunya. Pelaksanaan kaedah pertanian dalam membangunkan tanah-tanah wakaf merupakan satu alternatif yang perlu diketengahkan dan dibincangkan secara mendalam untuk perlaksanaan projek pertanian yang berpotensi untuk menjana keuntungan yang berpanjangan dan lumayan. Tanah-tanah wakaf yang diusahakan secara pertanian ini mampu untuk menjana pendapatan ekonomi institusi pondok dan membangunkan sosio ekonomi masyarakat ke arah yang lebih baik. Pembiayaan pembangunan tanah wakaf melalui kaedah pertanian juga dapat dilakukan melalui kaedah *muzara'ah* dan *musaqah*.

Kaedah Pembangunan Wakaf Pertanian

Kaedah pembangunan tanah merupakan suatu perkara yang sangat penting dalam usaha untuk meningkatkan lagi produktiviti hasil pertanian demi memperkasakan sektor pertanian.

Muzara'ah

Muzara'ah secara bahasa berasal dari perkataan *Zara'* yang bermaksud tanam. *Muza'raah* merujuk kepada konsep dan praktik pertanian dalam ekonomi Islam. Ia adalah bentuk kontrak pertanian di mana pemilik tanah (*malik al-mawāti*) dan pembuat tanaman (*muzāri'*) memasuki perjanjian untuk mengusahakan tanah dan membagi hasil pertanian. Konsep *muzara'ah* telah disebutkan dalam beberapa sumber primer dalam Islam, termasuk kitab-kitab fiqh dan hadis. Dalam Al-Quran, tidak ada rujukan khusus kepada muzaraah, tetapi prinsip-prinsip yang berkaitan dengan pembagian keuntungan, keadilan, dan kerjasama dalam ekonomi Islam dapat ditemukan. Salah satu rujukan yang sering dikutip adalah hadis yang dikemukakan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim, di mana Rasulullah SAW bersabda:

"Sesungguhnya Nabi Allah Dawud (Daud) berusaha dengan tangan-tangannya, dan Allah memberkati setiap keringat dari kerjanya. Kemudian beliau ditanya: 'Apakah itu juga bagi kita?' Beliau menjawab: 'Ya, tetapi bekerjalah kamu. Setiap satu dari kamu adalah pemimpin dan setiap satu dari kamu bertanggungjawab atas pengawasannya'."

Al-muzara'ah juga disebut sebagai *mukhabarah* merupakan satu bentuk muamalah di antara dua pihak apabila tanaman atau modal tersebut sebahagian besarnya adalah daripada pemilik tanah tersebut, manakala *mukhabarah* berlaku apabila tanaman atau modal adalah daripada pengurus tanah tersebut. Pengusaha tanah akan menyediakan anak benih atau pokok bagi tujuan pertanian dan hasil yang diperolehi akan dibahagikan mengikut perjanjian sebelum memulakan projek tanaman tersebut. Menurut Yusuf al-Qardhawi, *al-Muzara'ah* merupakan satu bentuk muamalah di mana pemilik tanah menyerahkan alat, benih dan haiwan kepada yang hendak menanamnya dengan suatu ketentuan dia akan mendapat hasil yang telah ditentukan, misalnya: 1/2, 1/3 atau kurang atau lebih menurut persetujuan bersama. Pembangunan tanah-tanah wakaf melalui kaedah pertanian bukan sahaja dapat membantu golongan miskin untuk menjana pendapatan tetapi turut membantu MAIN menjana pendapatan melalui kaedah pertanian (Wahab et.al, 2014).

Musaqah

Musaqah iaitu usahasama pengurusan dalam pertanian. *Musaqah* dari segi bahasa bermaksud saling menyiram, manakala dari segi syara' bererti satu kontrak penyerahan tanaman atau pohon kepada orang yang menjaga dan memelihara tanaman dengan agihan hasil atau ianya merupakan satu kontrak kerja berdasarkan hasil tanaman. Dalam erti kata lain, *musaqah* merupakan satu bentuk penyerahan pemilik tanaman kepada penjaga yang melakukan kerja-kerja pembaikan, pengairan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan syarat pengurusan akan diberi upah berdasarkan hasil tanaman. Hukum *musaqah* dapat dirujuk dalam beberapa sumber, di antaranya:


Al-Quran: Meskipun istilah "*musaqah*" tidak secara jelas disebutkan dalam Al-Quran, prinsip-prinsip yang mendasari musaqah dapat ditemukan dalam prinsip pembagian keuntungan dan kerja sama yang ditemukan dalam ayat-ayat Al-Quran. Prinsip-prinsip seperti keadilan, berbagi hasil, dan saling tolong-menolong menjadi dasar bagi hukum musaqah dalam Islam.

Hadis: Terdapat beberapa hadis yang berkaitan dengan *musaqah*. Salah satu contoh hadis adalah riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim, di mana Nabi Muhammad SAW bersabda:

"Barangsiapa yang mengusahakan tanah orang lain dengan persetujuan pemilik tanah, maka bagi mereka berdua bagian yang adil (dari hasil panen)."

Hadis ini menegaskan prinsip pembagian hasil yang adil antara pemilik tanah dan pembuat tanaman dalam kontrak *musaqah*.

Kitab-Kitab Fiqh: Kitab-kitab fiqh, seperti al-Muwatta' oleh Imam Malik, al-Majmu' oleh Imam Nawawi, dan al-Muhalla oleh Imam Ibn Hazm, membahas secara rinci hukum musaqah dan prinsip-prinsip yang terkait dengannya. Mereka memberikan penjelasan lebih lanjut tentang aspek-aspek hukum dan implementasi musaqah dalam pertanian dalam Islam.



Rajah 1: Carta Alir Kaedah *Musaqah* bagi pembangunan tanah pertanian. Diolah daripada Wahab, Ahmad, Othman @Seman dan Shaharuddin (2014).

- 1) Pengumpulan Dana Wakaf melalui skim wakaf saham atau saham pokok.
- 2) Pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau pihak berkuasa tempatan akan menyediakan sebidang tanah untuk tujuan pertanian
- 3) Pihak MAIN akan menyediakan modal untuk proses penanaman tanaman iaitu pembelian benih, baja, racun serta jentera pembajak
- 4) Pengusaha akan menguruskan ladang tersebut dari sudut penjagaan iaitu meracun, membaja dan sebagainya sehingga buah tersebut dapat dikutip dan dijual.
- 5) Apabila hasil tanaman tersebut sudah masak dan boleh dijual, maka hasil jualan tersebut perlu diagihkan di antara pengusaha dan pihak berkuasa berdasarkan kepada persetujuan yang dipersetujui pada awal kontrak sama ada 50-50, 60-40, ataupun 70-30 peratus.

Wakaf pertanian merupakan bentuk wakaf produktif yang memberikan manfaat kepada masyarakat terutamanya dalam meningkatkan hasil makanan dalam negara. Kaedah *musaqah* dalam wakaf pertanian juga dapat memainkan peranan penting dalam keterjaminan makanan. Di Indonesia, kaedah *musaqah* dapat membantu meningkatkan produktiviti tanah dan memberikan peluang kepada petani untuk memperoleh pendapatan yang lebih stabil (Tuasikal dan Lelo, 2019). Selain itu, kaedah *musaqah* juga dapat membantu meningkatkan ketersediaan makanan tempatan dan memastikan keterjaminan makanan untuk masyarakat. Di Malaysia, kaedah *musaqah* dalam wakaf pertanian dapat membantu meningkatkan produktiviti tanah dan memberikan manfaat kepada petani yang tidak mampu membeli tanah sendiri. Kaedah ini juga

dapat membantu memperkuat penghasilan makanan tempatan dan meningkatkan keterjaminan makanan untuk masyarakat (Said dan Ghazali, 2020)

Potensi Wakaf Pertanian Dan Keterjaminan Makanan

Pembangunan wakaf pertanian memberi banyak manfaat terhadap isu keterjaminan makanan di Malaysia. Antara manfaat wakaf pertanian terhadap isu keterjaminan makanan ialah; pertama, dapat meningkatkan pengeluaran pertanian dan membantu mengurangkan kebergantungan pada import makanan. Kedua, boleh membantu meningkatkan pendapatan petani dan masyarakat setempat melalui peningkatan ekonomi dan pembangunan sosial. Ketiga, ia boleh memperbaiki kehidupan masyarakat setempat melalui peningkatan kualiti makanan dan pemenuhan keperluan makanan yang semakin meningkat. Selain itu, penggunaan wakaf terbiar untuk pembangunan wakaf pertanian juga dapat membantu meningkatkan kesedaran tentang pertanian lestari dan pengurangan kos pengeluaran petani. Dalam jangka panjang, ia juga boleh membantu mengurangkan kemiskinan di kalangan masyarakat setempat dan memperbaiki kehidupan mereka (Razak, Halim, Zaidi, Ghazal dan Mohamad, 2020).

Kaedah pembangunan wakaf pertanian memainkan peranan penting dalam keterjaminan makanan. Dalam konteks global, ketergantungan pada pasaran makanan global dan ketidakstabilan harga makanan semakin meningkatkan kepentingan untuk memperkuat dan memperluaskan penghasilan makanan tempatan. Melalui kaedah *musaqah*, badan wakaf dapat menetapkan harga sewa tanah yang adil kepada petani sehingga mendorong pengeluaran makanan tempatan dan meningkatkan akses masyarakat kepada sumber makanan yang lebih murah dan berkualiti. Kaedah *musaqah* dalam wakaf pertanian dapat membantu meningkatkan pendapatan petani, memperkuat penghasilan makanan tempatan serta meningkatkan keterjaminan makanan untuk masyarakat. Kaedah ini dapat menjadi salah satu cara yang berkesan dalam mengatasi masalah kekurangan makanan dan ketidakstabilan harga makanan di seluruh dunia. Menurut *Food and Agriculture Organisation* (FAO) dan *World Health Organisation* (WHO), antara tanaman yang penting untuk kelestarian makanan adalah seperti:

- i) Tanaman pangan: Tanaman pangan seperti padi, jagung, gandum, kentang, ubi yang diperlukan bagi memenuhi keperluan karbohidrat dan tenaga (FAO, 2019)
- ii) Sayuran: Sayuran seperti kubis, bayam, kangkung, brokoli, kacang panjang, dan wortel sangat penting untuk memenuhi keperluan vitamin dan mineral dalam diet. (WHO, 2015)
- iii) Buah-buahan: Buah-buahan seperti jeruk, mangga, pisang, dan pepaya juga sangat penting untuk memenuhi keperluan vitamin dan mineral dalam diet. (WHO, 2015)
- iv) Kekacang: Kekacang seperti kacang hijau, kacang merah, kacang tanah dan lain-lain mempunyai nutrisi penting seperti zat besi, seng, dan magnesium. (FAO, 2019).
- v) Rempah dan herba: Tanaman rempah seperti kunyit, lada hitam, dan kayu manis serta herbal dapat digunakan sebagai bahan tambahan dalam masakan dan juga memiliki manfaat kesihatan yang penting. (Sumber: WHO, 2015)

Wakaf pertanian berpotensi besar dalam meningkatkan produktiviti sektor pertanian. Antara faedah wakaf pertanian ialah, meningkatkan akses pekebun kecil ke tanah pertanian, memperkuat pemilikan dan pengurusan tanah pertanian masyarakat serta meningkatkan produktiviti dan pendapatan petani, serta meningkatkan ketersediaan makanan dalam negara (Yusoff dan Ishak, 2014; Hamid dan Selamat, 2017; Fajrina dan Fithri, 2017). Wakaf pertanian berperanan dalam meningkatkan keterjaminan makanan di sesebuah negara. Dengan penetapan tanah sebagai wakaf pertanian, penggunaan tanah wakaf pertanian dapat produktifkan sehingga

masyarakat dapat memperoleh sumber makanan yang mencukupi dan bermutu. Selain itu, wakaf pertanian juga dapat membantu meningkatkan sara diri makanan dan mengurangi kebergantungan kepada import makanan dari luar negara. Menurut Pusat Wakaf Malaysia (2018), wakaf pertanian dapat membantu meningkatkan pengeluaran makanan dan kebajikan petani di Malaysia dengan membantu meningkatkan penglibatan masyarakat dalam pembangunan pertanian

Kesimpulan

Secara umumnya, kaedah-kaedah yang digunakan dalam pembangunan wakaf pertanian dilihat berpotensi untuk meningkatkan keterjaminan makanan di Malaysia. Keterjaminan makanan yang lestari adalah sangat penting bagi memastikan ketersediaan makanan yang mencukupi dan memenuhi keperluan nutrisi masyarakat. Dari aspek wakaf, pembangunan wakaf pertanian yang produktif dapat meningkatkan produktiviti tanah wakaf yang sedia ada. Selain itu juga, pembangunan wakaf pertanian memberikan sumber pendapatan tambahan kepada petani dan peladang kerana kaedah ini dapat membantu meningkatkan kesejahteraan masyarakat tempatan dan membantu mempromosikan amalan pertanian lestari. Wakaf pertanian mempunyai potensi yang amat besar dalam menangani isu keterjaminan makanan. Ia perlu dijadikan agenda utama terhadap ketersediaan makanan terutamanya bagi mengatasi masalah kekurangan makanan dan ketidakstabilan harga makanan selain daripada meningkatkan produktiviti tanah dan meningkatkan pendapatan para petani. Pembangunan tanah wakaf dapat dilaksanakan melalui sektor kaedah musaqah. Kaedah ini dilihat meraihan pihak-pihak yang terlibat dalam pembangunan tanah wakaf iaitu pemilik tanah, badan wakaf dan juga petani.

Di Malaysia, terdapat beberapa polisi yang telah dikeluarkan oleh kerajaan untuk meningkatkan penggunaan wakaf pertanian dalam meningkatkan keterjaminan makanan negara. Antara polisi tersebut iaitu Pertama, Program Transformasi Pertanian (*Agriculture Transformation Program*). Program Transformasi Pertanian adalah satu inisiatif strategik kerajaan Malaysia untuk membangunkan sektor pertanian negara dengan memberi fokus kepada inovasi teknologi, pengurusan sumber dan perkhidmatan dalam industri pertanian. Dalam program ini, kerajaan menyediakan pelbagai bantuan dan insentif untuk pengusaha pertanian, termasuk juga wakaf pertanian. Kedua, Dasar Kebajikan Negara (*National Welfare Policy*). Dasar Kebajikan Negara mempunyai matlamat untuk membantu golongan yang terpinggir untuk menghadapi cabaran ekonomi dan sosial. Dalam dasar ini, kerajaan memberikan fokus kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat yang terpinggir, termasuk juga dalam sektor pertanian dan wakaf pertanian. Ketiga, Dasar Pertanian Negara Ketiga (*National Agricultural Policy*). Dasar Pertanian Negara Ketiga bertujuan untuk memperkukuhkan dan mengoptimumkan kegiatan pertanian. Dalam dasar ini, terdapat langkah-langkah untuk meningkatkan bekalan makanan, termasuk memanfaatkan tanah wakaf untuk aktiviti pertanian bagi meningkatkan keterjaminan makanan negara. Melalui polisi-polisi ini, kerajaan telah mengambil inisiatif untuk memberikan sokongan dan insentif kepada pengusaha pertanian dan masyarakat dalam memanfaatkan tanah wakaf untuk meningkatkan keterjaminan makanan negara. Sokongan kerajaan dapat meningkatkan penggunaan wakaf pertanian di Malaysia dan membantu memenuhi keperluan makanan negara serta meningkatkan taraf hidup masyarakat yang terlibat dalam sektor pertanian.

Acknowledgement

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Cawangan Kedah atas pembiayaan penyelidikan di bawah *Campus research Interest (CRIG)* Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam berkongsi ilmu sepanjang kajian ini dijalankan.

Rujukan

- Aris, N.M. & Rahman, A.A. (2010) Pelaksanaan Dasar Sekuriti Makanan di Malaysia: Kajian Daripada Perspektif Ekonomi Islam, Draf awal artikel ini telah dibentangkan pada Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM-V) pada 15-17 Oktober 2010 di Port Dickson, h.61)
- Awang, N. (2022) Inisiatif Dasar Kerajaan, Perkukuh Sistem Makanan. Diakses daripada <https://www.ikim.gov.my/index.php/2022/12/05/inisiatif-dasar-kerajaan-perkukuh-sistem-makanan/>
- Fajrina, F. & Fithr, R., (2017). Penerapan Sistem Wakaf Pertanian dalam Meningkatkan Kesejahteraan Petani di Malaysia. *Jurnal Agribisnis Indonesia*, vol. 5, no. 1, 2017.
- Food and Agriculture Organization (FAO). (2019). Crop production. Diakses daripada <https://www.fao.org/faostat/en/#data/QC>
- Hamid, A.R.A., & Mohd Nasir Selamat (2017). "Pemeriksaan Sektor Pertanian melalui Wakaf Tanah di Malaysia." Prosiding Konferensi Antarabangsa Kelestarian (INSAN 2017).
- Ismail, N.S. (2019) Strategi Sekuriti Makanan Dalam Pembangunan Lestari Islam, Tesis Ijazah Doktor Falsafah, USM 2019, h. xvi)
- Noor, M. F., & Ismail, Z. (2018). The potential of waqf lands in Malaysia for agriculture purposes. *Journal of Business and Social Development*
- Mustapa, S.S., Wahid, H., & Ibrahim, M.F., (2022). Kajian Terhadap Isu Pembelian Tanah Wakaf Menerusi Mekanisme Wakaf Tunai Di Negeri Selangor: A Study on Issues in Waqf Land Purchasing Through Mechanism of Cash Waqf in Selangor. *Jurnal Syariah*, 30(1), 1-33.
- Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan (2018). Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).
- Pusat Wakaf Malaysia (2018) Wakaf Pertanian. Diakses daripada <https://www.wakafmalaysia.org.my/wakaf-pertanian/>
- Razak, N.H.A.Z., Halim, M, F, A., Zaidi, N.F.A., Ghazal, N.A.A., & Abdul Rahim Mohamad (2020). The potential of abandoned waqf land for agriculture development in Malaysia: A case study in Johor. *Journal of Critic al Reviews*, 7(13), 543-549
- Said, S.M, & Zulkipli Ghazali, Z (2020). An Exploratory Study on the Implementation of Musyarakah Mutanaqisah and Musyarakah Musaqaq for Agricultural Development in Malaysia. *Journal of Islamic Monetary Economics and Finance*, 6(1), 59-76.
- Shamsudin, M.N. (2017). Pertanian Bandar: Selangkah ke Hadapan untuk Jaminan Makanan. Diakses daripada https://upm.edu.my/artikel/pertanian_bandar_selangkah_ke_hadapan_untuk_jaminan_makanan-32623
- Tuasikal M.A., & Lelo, B.S., (2019). Implementation of Waqf Land Lease (Musyāqah) in Indonesian Agricultural Development. *International Journal of Social Science and Economic Research*, 4(9), 6155-6166.
- Wahab, M.H.A., Ahmad, W.A.W., Othman @Seman & M.M., Shaharuddin, N., (2014). Implementasi Kontrak Musaqaq Untuk Pembangunan Tanah Wakaf Terbiar Dalam Menjana Ekonomi Sektor Pertanian Di Malaysia, Proceeding/ Seminar/ Conference Seminar Waqf Iqlimi 2014, H. 532

Yusoff, Z.M., & Ishak, M.S. (2014). "Penggunaan Wakaf Tanah dalam Pembangunan Pertanian di Malaysia." *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*, vol. 10, no. 9, 2014.

Zainol, Z., & Ismail, N. (2015). Wakaf as a catalyst for sustainable food security: A preliminary analysis. *Journal of Food Security*